

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 1 APRIL 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah bantuan yang sudah diagihkan oleh Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri yang dilanda banjir, khususnya Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Johor serta Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah mengagihkan bantuan wang ihsan RM500 kepada ketua isi rumah yang layak. Bantuan ini sedang dilaksanakan di seluruh Negara secara berperingkat berdasarkan kepada senarai penerima yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi yang berpindah ke pusat pemindahan serta senarai yang disediakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan disahkan Pegawai Daerah bagi mangsa yang tidak berpindah ke pusat pemindahan.

Setakat 29 Mac 2015, seramai 83,035 ketua isi rumah telah menerima bantuan wang ihsan ini dengan jumlah sebanyak RM41,517,500.

Negeri	Penerima (orang)	Kos (RM)
Kelantan	35,762	17,881,000
Terengganu	9,903	4,951,500
Pahang	22,700	11,350,000
Perak	4,236	2,118,000
Kedah	1,969	984,500
Selangor	445	222,500
Negeri Sembilan	234	117,000
Johor	480	240,000
Perlis	435	217,500
Sabah	2,357	1,178,500
Sarawak	1,449	724,500
JUMLAH KESELURUHAN	83,035	41,517,500

Adalah dimaklumkan bahawa agihan bantuan ihsan daripada Kerajaan ini bukanlah satu bentuk pampasan kepada kerugian yang dialami mangsa. Bantuan ini diberikan sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan beban mangsa yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda. Pemberian ini juga bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.